

## BAB 3

### METODOLOGI PENYELIDIKAN

#### 3.1 Pengenalan

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau persepsi guru-guru pelatih terhadap ciri-ciri pensyarah yang ideal di sebuah maktab perguruan khususnya aspek penyampaian kuliah, pengurusan bilik kuliah, pengendalian tugas kursus dan sifat-sifat peribadi pensyarah. Kajian ini tidak akan menyentuh ciri-ciri pensyarah dalam penyeliaan latihan mengajar.

#### 3.2 Sampel

Sampel kajian terdiri daripada 100 orang guru pelatih dari Maktab Perguruan Seri Kota, Kuala Lumpur. Guru-guru pelatih ini dipilih daripada mereka yang di peringkat tahun akhir. Dalam pemilihan, diambilkira pembolehubah jantina (lelaki atau perempuan), kelayakan S.P.M. atau S.T.P.M. ) serta jurusan (sains atau sastera). Guru-guru pelatih dipilih secara rawak iaitu mereka dipilih berdasarkan nombor pendaftaran yang berakhir dengan nombor ganjil atau dipilih oleh pensyarah maktab itu sendiri atau mereka yang ingin melibatkan diri dalam penyelidikan secara sukarela. Hanya guru pelatih dari semester empat dipilih untuk kajian ini kerana mereka mengikuti hampir kesemua kursus latihan mengajar. Guru pelatih dari semester satu, dua dan tiga tidak dipilih kerana mereka baru memulakan latihan dan tidak berpengalaman di dalam komponen-komponen latihan. Oleh yang demikian, ini akan menyulitkan mereka memberi maklum balas yang tepat.

Daripada 100 set soal selidik yang diedarkan hanya 90 set telah dikembalikan.

### 3.3 Instrumen

Dua instrumen digunakan untuk mengumpul data kajian ini iaitu soal selidik dan temuramah.

#### 3.3.1 Soal Selidik

Satu soal selidik (Lampiran 2) yang mengandungi beberapa soalan terbuka dan banyak soalan tertutup telah dibina untuk mendapatkan data berkenaan. Soal selidik ini terdiri dari enam bahagian.

Bahagian satu - soalan berhubung dengan latar belakang guru pelatih seperti umur, jantina, pencapaian akademik tertinggi dan opsyen. Bahagian ini mengandungi empat soalan terbuka.

Bahagian dua - soalan berhubung dengan pandangan terhadap mutu penyampaian kuliah oleh para pensyarah di bilik kuliah. Bahagian ini mengandungi lima belas soalan tertutup.

Bahagian tiga - soalan berhubung dengan pandangan terhadap pengurusan bilik kuliah oleh pensyarah. Bahagian ini mengandungi empat belas soalan tertutup.

- Bahagian empat - soalan berhubung dengan pandangan terhadap pengendalian aktiviti dan tugas kerja kursus yang dilaksanakan oleh pensyarah. Bahagian ini mengandungi tiga belas soalan tertutup.
- Bahagian lima - soalan berhubung dengan pandangan terhadap sifat-sifat peribadi pensyarah, hubungan pensyarah dengan guru pelatih dan cadangan-cadangan guru pelatih tentang cara-cara untuk meningkatkan kualiti pensyarah-pensyarah di maktab perguruan. Bahagian ini mengandungi tiga belas soalan tertutup.
- Bahagian enam - soalan yang bersifat terbuka tentang pendapat guru-guru pelatih mengenai pengajaran, pengurusan bilik kuliah, kerja kursus dan personaliti pensyarah. Bahagian ini mengandungi enam soalan terbuka dan lima soalan tertutup.

### 3.3.2 **Skedul Temuramah**

Seramai 30 orang guru pelatih ditemuramah secara tidak formal. Temuramah ini dijalankan selepas sahaja borang soal selidik dikumpulkan. Guru-guru pelatih ditemuramah di dewan Maktab Perguruan Seri Kota. Item-item yang digunakan dalam soalan temuramah adalah tambahan kepada item-item dalam soal selidik (Lampiran 3). Tujuan skedul ini adalah

untuk memperolehi maklumat tambahan yang mungkin tidak termasuk dalam jawapan soal selidik. Pengkaji sendiri dapat melihat reaksi guru pelatih terhadap persepsi mereka tentang ciri-ciri pensyarah yang ideal.

#### **3.4 Ujian Rintis Terhadap Soal Selidik**

Satu ujian rintis ke atas soal selidik telah dijalankan terhadap 10 orang guru pelatih dari Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur. Tujuan ujian rintis adalah untuk mengetahui kesesuaian soalan dan item dalam soal selidik supaya soal selidik ini dapat diperbaiki. Guru pelatih dikehendaki menggariskan perkataan dan ayat yang dianggap sukar untuk difahami. Ini akan memudahkan pengkaji untuk mengesan sebarang item yang dianggap mengelirukan yang akan dibaiki kemudian. Ujian rintis ini juga memberi gambaran masa yang diperlukan untuk menjawab soal selidik. Dalam hal ini, guru pelatih tidak menghadapi sebarang masalah untuk memahami kandungan soal selidik. Mereka mengambil masa 40 minit untuk menjawab soal selidik.

#### **3.5 Pengumpulan Data**

Setelah cadangan penyelidikan diluluskan oleh Jawatankuasa Penyemak Cadangan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, sepucuk surat telah dihantar kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan untuk mendapatkan kebenaran menjalankan penyelidikan. Setelah mendapat kebenaran, sepucuk surat telah dikirim kepada pengetua Maktab Perguruan Seri Kota untuk mendapatkan kebenaran

menjalankan penyelidikan di maktab tersebut.

Setelah berjumpa dengan pengetua maktab, suatu tarikh dan masa telah ditetapkan untuk mengedarkan soal selidik . Soal selidik telah diedarkan kepada guru pelatih di dewar maktab. Sebanyak 100 set soal selidik telah diedarkan tetapi hanya 90 set dikembalikan.

Pada permulaan pentadbiran soal selidik, pengkaji menerangkan tujuan kajian kepada guru pelatih. Arahan-arahan lain di dalam soal selidik juga telah diterangkan oleh pengkaji. Guru pelatih diminta untuk memberi maklum balas mereka di dalam soal selidik yang diberi. Guru pelatih diberi satu jam untuk menjawab soal selidik. Pengkaji telah dibantu oleh seorang pensyarah dari maktab tersebut semasa proses pengumpulan data dijalankan.

### **3.6 Analisis Data**


Data yang dikumpulkan telah dianalisis dengan bantuan komputer. Data telah dianalisis menggunakan 'Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi SPSS/PS+ Studentware'.

### **3.7 Prosedur Penyelidikan**

Gambaran langkah-langkah penyelidikan telah ditunjukkan dalam carta aliran (Carta 3. 1).

Di bawah ialah carta aliran prosedur penyelidikan untuk mengkaji persepsi guru pelati terhadap ciri-ciri pensyarah yang ideal di Maktab Perguruan Seri Kota, Kuala Lumpur. Jangka masa yang dianggar untuk membuat penyelidikan adalah 1 tahun hingga 2 tahun.

**Carta 3.1: Carta Aliran Prosedur Penyelidikan**



Pertama, pengkaji telah berbincang dengan penyelia, Prof. Dr. Koh Boh Boon untuk membentuk satu set soal selidik yang dapat mengumpul data untuk menjawab soalan-soalan penyelidikan. Pembentukan soal selidik ini telah memakan masa dua bulan.

Kedua, satu ujian rintis telah dijalankan di Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur untuk mengenalpasti kesesuaian soal selidik. Pengubahsuaian telah dilakukan ke atas item-item soal selidik yang tidak sesuai. Ujian rintis ini telah memakan masa dua minggu. Soal selidik telah diper cubakan dan beberapa item telah diubahsuaikan. Soal selidik ini juga telah dibaca oleh beberapa pensyarah di Maktab Perguruan Teknik untuk mendapat pandangan mereka dari segi kesesuaian isi dan bahasa.

Ketiga, pengkaji sendiri telah mentadbir soal selidik. Pengkaji telah mengedar dan mengumpul soal selidik daripada guru-guru pelatih dari Maktab Perguruan Seri Kota, Kuala Lumpur. Pengkaji juga telah bertemuramah dengan 30 orang guru pelatih setelah mentadbir soal selidik. Pengkaji telah dibantu oleh seorang pensyarah dari maktab tersebut.

Keempat, setelah mengumpul data, pengkaji telah mengkodkan item-item ke dalam borang kod dengan bantuan Puan Khalifah Md. Jidin, Unit Komputer, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Setelah data dikodkan, data ini telah dianalisis dengan komputer. Penganalisisan data telah memakan masa tiga bulan.

Akhirnya, pengkaji akan membuat laporan penyelidikan. Prosedur terakhir ini telah siap dalam jangkamasa tujuh bulan. Keseluruhan prosedur penyelidikan ini telah memakan masa setahun 6 bulan.